

Simbol

keberanian, kegagahan

» Muzium Warisan Melayu UPM pameran pelbagai jenis keris

Oleh Wan Noor
Hayati Wan Alias
bminggu@bh.com.my

Setiap keris umpama kad pengenalan, daripada hulu, bilah, sampir serta sarungnya orang akan tahu dari mana siapa dan apa pangkat pemiliknya

Nama keris sama uniknya seperti nama orang, keris dan tuannya ibarat anak dengan bapanya.

Jadi, apabila sebut sahaja keris Taming Sari, terus mengingatkan kepada sejarah Laksamana Hang Tuah, Kesultanan Melaka dan kini Kesultanan Perak.

Keris adalah senjata orang Melayu yang tidak perlu diperkenalkan lagi,



terkenal di seluruh dunia yang hanya wujud pada orang Melayu dan menjadi "milik" orang Melayu sahaja.

Kehebatan keris dikaitkan dengan unsur mistikal oleh pelbagai peringkat masyarakat disebabkan fungsi sesetengah keris adalah di luar jangkauan pemikiran orang biasa.

Contohnya, boleh 'memberi' petunjuk mengenai bahaya mendatang kepada pemiliknya selain untuk pertahanan dan perlindungan diri, keluarga dan harta.

Sejarah lisan yang disampaikan dari turun temurun, ada yang mendakwa keris dijadikan sebagai 'penjejak emas' dan terbang sendiri memburu sasaran.

Bagaimanapun, dengan izin tuhan tiada yang mustahil. Rahsia Melayu hanya dikongsi sesama Melayu.

Sebab itulah rahsia kehebatan Melayu tetap kekal

tidak diketahui oleh bukan Melayu, seperti kehebatan keris ini.

Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Pauzi Abd Latiff, berkata keris bukan sahaja digunakan sebagai senjata, tetapi juga sebagai simbol kebesaran, kuasa dan juga sebagai perhiasan.

Keris kuasa digunakan sebagai lambang kuasa ketika melaksanakan hukuman terhadap seseorang.

Bukan untuk membunuh

Peringkat hukuman berbeza mengikut jenis keris yang dibawa. Hukuman bunuh dilaksanakan dengan cara menusuk keris dari atas bahu tegak ke bawah menembusi jantung pesalah dengan posisi duduk.

Keris Taming Sari kini adalah sebagai lambang atau simbol kebesaran

Sultan Perak.

Muhammad Pauzi berkata, Muzium Warisan Melayu UPM memiliki satu-satunya manuskrip membicarakan mengenai keris Taming Sari.

Katanya, mengikut sejarah lisan yang disampaikan orang Melayu lama, keris sebenarnya bukan secara khususnya digunakan untuk menikam.

"Keris digunakan cukup hanya untuk mengguris atau melukakan sahaja. Bisa yang masuk menerusi calaran kulit yang akan membunuh mangsa.

"Pada keris ada bisa dan juga ada penawar. Contohnya, hulu keris dibuat daripada kayu penawar hitam yang boleh menghentikan darah akibat cedera.

"Pembuatan hulunya daripada kayu, gading, emas, perak dan sebagainya juga menggambarkan kategori dan kegunaan keris

Jenis jantan, betina

Ciri bisa pada keris ini tidak ada pada mana-mana senjata yang digunakan oleh bangsa lain di dunia ini.

Cantik dan tajam pedang mereka masih tidak boleh melawan keris yang tumpul. Bisa keris juga satu rahsia Melayu.

Difahamkan terdapat dua jenis keris Melayu iaitu jantan dan betina.

Yang jantan bentuknya

lurus digunakan sebagai senjata manakala yang betina untuk tujuan lain bentuknya berlok.

Keris hulu lurus dinamakan Dikatakan untuk memudahkan mencabutnya kerana dipakai dibahagian belakang. Keris hulu bengkok dipanggil keris Melayu yang biasanya dipakai dibahagian hadapan (perut). Keris Taming Sari adalah keris Jawa jantan.

INFO

Muzium Warisan Melayu UPM

- © Muzium Warisan Melayu UPM, Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang
- © Waktu Lawatan: Dibuka setiap hari dari jam 10 pagi hingga 5 petang
- © Bayaran Masuk: RM2 seorang
- © Keterangan Lanjut: 03-8946 8939